

MUALLAF: PERMASALAHAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Muallaf: Problems and Suggestions Solution

Nurwati A. Ahmad-Zaluki^{1*}
Azizan Abdul-Rahman²

¹ *Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah*

² *School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Penang*

*Corresponding author (Email: nurwati@uum.edu.my)

Diterima: 12 November 2019, Diproses: 11 Februari 2019, Diterbitkan: 1 Mac 2020

Abstract: Golongan muallaf adalah termasuk dalam pembahagian lapan asnaf yang berhak untuk menerima pengagihan bantuan zakat. Artikel ini mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh muallaf dan memberi cadangan penyelesaian tentang projek pembangunan yang boleh dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) terhadap golongan ini dengan menggunakan agihan wang zakat. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah analisis dokumen dan temu bual dengan Ketua Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, LZNK. Kajian ini mendapati terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh muallaf. Antaranya adalah terpaksa menyembunyikan keislaman kerana takut diperas ugut dan dibuang keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sebangsa dan seagama asal, kehidupan yang miskin, kekeliruan dalam mengamalkan ajaran Islam disebabkan asatizah berlainan pendapat dan fahaman, kekurangan program-program dakwah kepada muallaf serta kekurangan bahan rujukan. Bagi menangani masalah yang dihadapi oleh muallaf, kajian ini mencadangkan agar LZNK dapat menubuhkan sebuah institut sebagai sebuah pusat yang menyelenggara fasiliti untuk golongan muallaf mendapatkan perlindungan, pendidikan di samping menerima peruntukan bantuan kewangan. Cadangan penubuhan sebuah institut adalah sangat diperlukan bagi tujuan pembangunan muallaf.

Keywords: Masalah, Muallaf, Zakat, Pembangunan

Abstract: *Muallaf is one of the eight divisions of asnaf who are entitled to receive the distribution of zaqah. This paper identifies the problems faced by the muallaf and provides suggestions that can be implemented by the Kedah Zakat Board (LZNK) for this group using zaqah money. This is a qualitative study using document analysis and interviews with the Head of Muallaf Management and Development Division, LZNK. The study found that the muallaf are facing several problems, including being forced to hide the fact that they are converts for fear of extortion and dumping by their families, friends and their community of origin, poor living conditions, confusion in practicing Islam due to different aspirations and beliefs, and lack of da'wah programs and reference materials. To address the problems faced by the muallaf, this study suggests that LZNK can establish an institute equipped with facilities for the muallaf to receive protection, education and financial aid. The suggestion of establishing an institute is highly needed for the development of the muallaf.*

Keywords: Problem, Muallaf, Zaqah, Development

PENGENALAN

Muallaf merupakan istilah yang digunakan untuk golongan yang baharu memeluk agama Islam atau bukan Islam tetapi cenderung terhadap agama Islam. Pemberian zakat kepada golongan berkenaan adalah bertujuan agar jiwa mereka merasa aman dan kehidupan mereka lebih terjamin dengan agama Islam. Bantuan zakat kepada mereka tidak seharusnya dilihat dalam skop yang sempit sebagai kategori penerima bantuan zakat semata-mata. Sebaliknya, skop bantuan perlu diperluaskan lagi mengikut piawaian maqasid shariah yang terangkum dalam *hifz al-deen* (memelihara agama) dan *hifz al-nafs* (memelihara nyawa). Oleh itu, pihak kerajaan perlu peka terhadap isu *hifz al-deen* dan *hifz al-nafs* bagi merealisasikan pencapaian objektif syariat iaitu menolak segala bentuk kemudaratan dan mendatangkan kemaslahatan terhadap umat Islam (al-Qaradhawi, 1997).

Zakat menurut perspektif Islam bukanlah belas ehsan seseorang terhadap individu-individu tertentu atau ibadat harta yang diserahkan kepada individu untuk menjinakkan hati golongan muallaf atau sebaliknya. Realitinya, zakat adalah menjadi tanggungjawab negara yang diserahkan kepada *ulil al-amr* (pemerintah) untuk menyelenggara dan menguruskan hal ehwal umat Islam (al-Fanjari, 1990).

Di Malaysia terdapat banyak badan pertubuhan Islam seperti Kerajaan¹ dan bukan-Kerajaan (NGO)² yang memainkan peranan untuk menjaga keperluan dan kebajikan muallaf (Kasim et al., 2017). Menurut Kasim dan rakan-rakan, pertubuhan berkenaan wujud sebagai mengambil tanggungjawab fardu kifayah bagi memastikan golongan muallaf mendapat bimbingan, perlindungan dan kebajikan. Walau bagaimanapun, majoriti muallaf adalah bernaung di bawah NGO. Meskipun, badan-badan NGO dan Kerajaan prihatin terhadap isu bimbingan, perlindungan dan kebajikan muallaf, namun penyelenggaraannya adalah selama enam bulan sahaja.

Shaharuddin et al. (2017) telah melaporkan bahawa muallaf menghadapi masalah dan cabaran setelah memeluk agama Islam. Antara cabaran yang dikenalpasti ialah ahli keluarga yang tidak menyokong, kurangnya motivasi diri sendiri, perkahwinan integrasi budaya Islam, murtad dan masalah pengurusan dakwah. Selain mengenalpasti tentang masalah dan permasalahan muallaf, mereka juga telah mengemukakan cara penyelesaian yang telah dijalankan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF)³ kepada golongan muallaf. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, pihak HCF telah menyalurkan bantuan dan menjadi tempat rujukan para muallaf. Isu dan permasalahan tentang golongan muallaf perlu dikaji secara

¹ Pertubuhan Kerajaan adalah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

² Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah salah satu bentuk pertubuhan bukan-Kerajaan (NGO).

³ HCF adalah sebuah NGO Muslim yang beroperasi bagi membantu golongan muallaf melalui penyediaan rumah perlindungan untuk sementara secara percuma selain membantu mereka untuk mendalami tentang ilmu agama Islam.

terperinci dan mendalam agar bentuk sumbangan yang diberikan adalah memenuhi dengan keperluan dan tuntutan mereka.

Di Kedah khasnya, terdapat beberapa skim bantuan zakat disediakan kepada muallaf oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Antaranya ialah: (i) Bantuan Saudara Baru Permulaan; (ii) Bantuan Perkahwinan Saudara Baru; (iii) Lain-lain Bantuan. Agihan zakat terhadap golongan asnaf muallaf telah meningkat daripada RM1.454 juta pada tahun 2011 kepada RM2.174 juta pada tahun 2018, namun peratus agihan zakat daripada jumlah keseluruhan agihan kepada golongan asnaf yang tersenarai telah menurun daripada 2.01% (2011) kepada 1.44% (2018) kepada golongan ini (<https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/>, dicapai pada 3 Januari 2020).

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK), setakat ini terdapat lima (5) projek pembangunan asnaf yang sedang dijalankan iaitu Pusat Kemahiran Jahitan, Usahawan Zakat Kedah, Latihan dan Kemahiran untuk Anak-anak Asnaf, Pondok Moden Zakat Kedah dan FreeZarket@ZakatKedah. Namun projek pembangunan ini antaranya Pusat Kemahiran Jahitan lebih terkhusus kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Manakala, projek pembangunan Pondok Moden Zakat Kedah lebih menjurus kepada anak-anak asnaf yang bertujuan untuk melahirkan Ulama' yang kompeten dalam bidang ilmu agama dan ilmu duniawi. Program-program pembangunan yang lain adalah untuk mana-mana asnaf secara umum. Masih terdapat kekurangan program pembangunan yang dilakukan khususnya kepada asnaf muallaf kecuali program agihan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), di mana salah satu fungsinya adalah untuk menganjur kursus asas kefahaman Islam selama 4 bulan. Maka, program pembangunan terhadap golongan asnaf muallaf ini amatlah diperlukan.

Menurut laporan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bahagian negeri Kedah, sehingga 7 Mei 2018, bilangan saudara muallaf yang berdaftar adalah sekitar seribu orang lebih. Manakala, jumlah saudara muallaf di negeri Kedah kian meningkat dari semasa ke semasa pada anggaran lima (5) hingga lima belas (15) orang setiap tahun. Antara program yang dilakukan dan dilaksanakan oleh PERKIM adalah pendidikan, kebajikan dan dakwah. Malangnya, masih kurang perhatian dan perlindungan yang menyeluruh bagi memastikan aqidah mereka kukuh dengan Islam serta menjaga kebajikan dan keselamatan mereka. Meskipun LZNK amat cemerlang dalam membantu saudara muallaf di negeri Kedah, namun setakat ini sumbangan yang diberikan hanya dalam bentuk material atau fizikal iaitu seperti wang ringgit, keperluan dapur dan pendidikan semata-mata. Bahkan, peruntukkan berkenaan adalah disalurkan melalui Pusat Bimbingan Saudara Baru Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) dengan kerjasama PERKIM bahagian negeri Kedah. Manakala bantuan dari sudut mental dan spiritual adalah amat sedikit. Setakat ini belum ada sebarang penempatan khusus kepada golongan muallaf seperti pusat perlindungan atau skuad muallaf, pusat pengajian secara formal amnya di Malaysia dan khasnya di negeri Kedah. Kajian ini mampu memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan muallaf bagi tujuan memelihara agama (*hifz al-deen*) dan memelihara nyawa (*hifz al-nafs*).

KAJIAN LEPAS MENGENAI MUALLAF DAN ZAKAT

Tibek et al. (2014) menegaskan bahawa kajian tentang muallaf seharusnya dilihat dalam skop yang lebih luas seperti pembangunan fizikal, spiritual dan psikologi. Bagaimanapun, kajian mereka lebih menumpukan kepada pembangunan muallaf dari sudut meningkatkan kefahaman dan metod penyampaian ilmu. Menurut Irwan et al. (2015), golongan muallaf sangat memerlukan kepada bimbingan agama agar kefahaman mereka tentang akidah, ibadat dan akhlak dapat ditingkatkan. Abu Bakar dan Ismail (2018) menyatakan bahawa terdapat lima keperluan utama yang seharusnya dipenuhi dan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap muallaf, iaitu identiti, pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta perundangan.

Ab Rahman et al. (2014) mengkaji tentang skim-skim bantuan zakat yang disediakan oleh institusi zakat di Malaysia kepada muallaf termasuk isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan skim tersebut. Mereka mendapati terdapat banyak skim yang disediakan oleh Pusat Zakat Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri samada secara umum atau terperinci. Fokus skim berkenaan adalah bantuan zakat dalam aspek sosial, ekonomi, kebajikan, pendidikan dan dakwah. Malangnya, dari segi pelaksanaan skim berkenaan, asnaf muallaf mempunyai pengetahuan yang kurang tentang skim-skim tersebut kerana maklumat tidak disampaikan dengan berkesan. Mereka menyarankan agar institusi zakat dapat memantapkan pengurusan agihan zakat kepada muallaf dan maklumat tentang skim bantuan disampaikan dengan lebih efektif dan berkesan. Mereka melaporkan bahawa negeri Kedah tidak menghadkan tempoh panggilan muallaf. Ini membolehkan para muallaf menerima zakat sehinggalah dimaklumkan oleh pihak yang berwajib. Mereka juga mendapati pengagihan zakat kepada muallaf lebih tertumpu kepada memenuhi keperluan asas tetapi kurang dari segi pemantapan aqidah dan kefahaman agama muallaf.

Muhamat (2016) menganalisis tentang jenis cabaran yang dihadapi oleh 100 orang muallaf di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Beliau mendapati terdapat dua bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh golongan muallaf selepas memeluk Islam. Antaranya ialah disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam dan dilabel sebagai masuk Melayu. Muhamat (2016) juga mendapati bahawa golongan muallaf juga menghadapi cabaran terhadap integrasi budaya Islam. Antara faktornya ialah sukar untuk istiqamah untuk beramal dalam Islam, sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam dan sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam Bahasa Arab. Beliau mencadangkan bahawa golongan muallaf haruslah diberikan penekanan dari segi pendidikan dan latihan yang berterusan agar golongan ini dapat mengatasi segala cabaran yang mereka alami khususnya mengadaptasi budaya Islam dalam kehidupan mereka.

Mohamad et al. (2017), mengkaji penubuhan Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) pada tahun 1961 di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada tahun 1963 IDIP terpaksa dihentikan operasinya disebabkan urusan teknikal yang dihadapi oleh PERKIM. Kemudian pada tahun 1975, IDIP ditukarkan nama kepada Pusat Latihan Agama PERKIM. Pada tahun 1976 institut berkenaan sekali lagi bertukar nama kepada IDIP. Pada tahun 1991 institut berkenaan dipindahkan ke Pengkalan Chepa, Kelantan. IDIP adalah badan dakwah berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan berperanan sebagai sebuah madrasah atau sekolah agama. Walaupun IDIP beroperasi sebagai sekolah yang memberikan pendidikan agama, namun institut berkenaan mestilah diperkasakan memandangkan pelbagai kekangan yang dihadapi oleh golongan muallaf seperti masalah jaminan keselamatan nyawa.

Berdasarkan kepada kajian literatur, didapati terlalu sedikit kajian yang dijalankan berkaitan dengan permasalahan golongan asnaf muallaf dan pembangunan mereka terutamanya dari segi fizikal dan mental (seperti penempatan dan perlindungan). Setakat ini Pusat Zakat di Malaysia lebih memfokuskan kepada pengagihan bantuan zakat semata-mata.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif. Bagi melaksanakan kajian ini, pelbagai kajian terhadap karya-karya lepas telah dibuat terlebih dahulu dengan membuat analisis dokumen daripada bahan bertulis dan bercetak. Rujukan yang dilakukan adalah berdasarkan bahan-bahan perpustakaan dan media massa seperti buku, buku laporan tahunan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Data telah dikumpul dengan menggunakan kaedah kajian lapangan dengan cara temu bual bersemuka dengan Ketua Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, LZNK (Ustaz Firdaus bin Saifuddin) yang terlibat secara langsung dengan saudara muallaf. Temu bual dibantu oleh seorang pembantu penyelidik, daripada bulan Februari hingga April 2019.

HASIL KAJIAN

Masalah yang Dihadapi oleh Muallaf

Tiada banyak perbezaan dalam bentuk masalah yang dihadapi oleh golongan muallaf di negeri Kedah dengan masalah yang dihadapi oleh golongan muallaf di negeri-negeri lain. Salah satu masalah yang dihadapi oleh muallaf di negeri Kedah adalah muallaf menyembunyikan keislaman kerana ahli keluarga tidak bersedia untuk menerima kenyataan penghijrahan mereka kepada agama Islam (Shaharudin et al., 2017). Bahkan, mereka akan diancam dan diugut daripada keluarga sendiri (Salleh et al., 2018). Hal ini menyebabkan golongan berkenaan terpaksa menyembunyikan keislaman mereka daripada pengetahuan ahli keluarga.

Berdasarkan statistik tahun 2000-2010, dicatatkan bahawa lebih daripada 686 permohonan murtad daripada golongan muallaf (Mohd Azlin, 2018). Kebanyakan permohonan tersebut adalah terdiri daripada golongan muallaf yang baru memeluk agama Islam. Pemahaman dan penekanan terhadap aqidah mestilah dititikberatkan bagi mengelakkan kejadian murtad. Antara faktor yang telah dikenalpasti menyebabkan golongan muallaf murtad adalah berpunca dengan masalah kemiskinan dan tekanan hidup (Mohd Azlin, 2018). Golongan muallaf di negeri Kedah juga menghadapi masalah kemiskinan hidup.

Muallaf juga menghadapi kekeliruan dalam mengamalkan ajaran Islam disebabkan asatizah berlainan pendapat dan fahaman. Masyarakat Islam perlu menjadi contoh teladan yang terbaik kepada golongan muallaf agar menghayati ajaran Islam secara syumul dan mempraktikkan ajaran berkenaan dalam kehidupan (Salleh et al., 2018). Justeru, umat Islam tidak seharusnya membincangkan perkara-perkara sehingga membid'ah dan mengkafirkan seseorang Islam yang lain kerana perbezaan pendapat, fahaman atau ideologi. Elemen berkenaan menjadikan muallaf terkeliru dengan pandangan tersebut.

Masalah lain yang dihadapi oleh muallaf di negeri Kedah adalah kekurangan aktiviti dakwah kepada mereka serta kurangnya bahan rujukan. Meskipun, agama Islam tidak memaksa seseorang yang bukan Islam untuk memeluk agama Islam, akan tetapi, umat Islam wajib berdakwah kepada bukan Islam agar memeluk agama Islam dengan cara menggunakan kaedah berpidato, berdialog atau penulisan.

Cadangan Projek Pembangunan

Kajian ini mendapati asnaf muallaf sangat memerlukan kepada bimbingan dan sumbangan. Bimbingan yang dimaksudkan adalah dari sudut agama, manakala sumbangan pula adalah dari sudut material. Hal ini bertujuan bagi memperkasa dan memperkukuhkan kefahaman saudara baru yang memeluk agama Islam (Abdul Mutalib, 1995).

Temu bual dengan ustaz Firdaus (2018) mendapati bahawa:

“Saya berpendapat bahawa keperluan bagi golongan muallaf di negeri Kedah adalah keperluan kepada prasarana yang menyediakan pengajian lengkap untuk golongan berkenaan mendalami ilmu-ilmu agama serta tempat tinggal yang lebih selamat. Saya juga berpendapat bahawa ramai dari kalangan muallaf yang tidak mendapat pemantauan dan didikan agama yang baik setelah memeluk Islam.”

Kajian ini menyarankan kepada LZNK untuk menubuhkan sebuah institut yang komprehensif sebagai pusat transformasi terhadap keperluan asnaf muallaf. Institut ini boleh dinamakan sebagai IKIMDA (Institut Kefahaman Islam Muallaf Darul Aman) kepada asnaf berkenaan agar mereka mendapat pendedahan tentang agama Islam khususnya yang berkaitan Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, mendalami syariat Islam yang syumul di samping kawalan keselamatan yang terjamin. Dengan penubuhan IKIMDA sebagai sebuah institut untuk asnaf muallaf, maka jaminan dari sudut memelihara agama (*hifz al-deen*) dan memelihara nyawa (*hifz al-nafs*) akan diperolehi oleh mereka.

Penubuhan IKIMDA sangat diperlukan, memandangkan golongan muallaf tiada tempat perlindungan yang selamat untuk menjaga aqidah, kebajikan dan keselamatan mereka. Menurut ustaz Firdaus lagi, setakat ini belum ada institut seperti yang dicadangkan dalam kajian ini sama ada pada peringkat Kebangsaan atau di peringkat negeri. Oleh itu, melalui penubuhan IKIMDA nescaya tahap pendidikan agama muallaf mampu ditingkatkan selain akidah dan penghayatan Islam juga dapat disempurnakan. Adalah dicadangkan, dengan penubuhan IKIMDA, sebuah modul yang komprehensif boleh disediakan. Modul ini perlulah mengandungi silibus yang khusus untuk pembangunan mental dan fizikal muallaf dari sudut maqasid syariah. Pihak LZNK juga perlu merancang program pendidikan yang lebih sistematik, menyelaraskan modul pendidikan untuk muallaf serta kurikulum yang digunakan mampu dikuasai oleh muallaf. Badan dakwah perlulah memainkan peranan penting dalam memberikan kefahaman dan pengetahuan kepada muallaf.

Cadangan terhadap penubuhan IKIMDA ini sebagai mencontohi langkah yang pernah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam memartabatkan kedudukan Islam melalui penubuhan Dar al-Arqam. Walau bagaimanapun, penubuhan IKIMDA melalui sumbangan daripada LZNK mampu untuk membangunkan kedudukan asnaf muallaf.

Kajian ini juga mencadangkan kepada LZNK untuk membangunkan IKIMDA di atas tanah-tanah wakaf yang tidak berpontensi untuk dimajukan. Melalui penubuhan IKIMDA, secara tidak langsung tanah wakaf berjaya dimanfaatkan untuk kemaslahatan umat Islam.

KESIMPULAN

Artikel ini melaporkan masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan asnaf muallaf dan memberi cadangan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh LZNK dalam mengendalikan wang zakat untuk pembangunan muallaf seperti pembangunan rohani dan jasmani.

Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh muallaf setelah memeluk Islam. Antaranya adalah terpaksa menyembunyikan keislaman kerana takut diperas ugut dan dibuang keluarga, kehidupan yang miskin, kekeliruan dalam mengamalkan ajaran Islam disebabkan asatizah berlainan pendapat dan fahaman, kekurangan program-program dakwah kepada muallaf serta kekurangan bahan rujukan muallaf.

Kajian ini telah membincangkan tentang projek pembangunan yang boleh dilaksanakan oleh LZNK. Cadangan pembinaan sebuah institut dengan menggunakan sumbangan wang zakat adalah yang paling ideal dan efisien untuk dilaksanakan. Dengan itu, peruntukan yang disalurkan oleh Pusat Zakat di negeri Kedah kepada golongan muallaf adalah menepati dengan kehendak maqasid syariah.

Terdapat pelbagai kajian yang boleh dilaksanakan rentetan daripada kajian ini. Salah satu kajian akan datang dicadangkan untuk mengkaji tentang pendekatan dakwah yang boleh digunakan khusus untuk muallaf samada boleh menarik mereka untuk memeluk Islam.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Institut Penyelidikan dan Inovasi Kedah (IPIZ), UUM di bawah Kod SO: 14109.

RUJUKAN

- Ab Rahman, Az., Ahmad, U.M. & Tengku Zainal Abidin, T.M. (2014). Skim Bantuan Zakat kepada Muallaf oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abu Bakar, S.A. & Ismail, S.Z. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Abdul Mutalib, R.F. (1995). *Arkan al-Islam al-Khamsah, Ahkamuha wa Atharuha fi Bina al-Fard wa al-Mujtama'*, Dar al-Salam, Kaherah.
- Fanjari-al, M.S. (1990). *al-Islam wa al-Dhamman al-Ijtima'ie*, Cetakan al-Haiyah al-Masriyah al-'Ammah lil-Kitab, Kaherah.
- Irwan, M.S., Azman, A.R., Mahazan, A.M., Nuradli Ridzwan Shah, M.D., Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R., Ibrahim, R.I., Shamsudin, S.N., Anuar, N. & Ismail, N. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf Dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Jurnal Infad*, 6, 111-134.
- Kasim, A.Y., Abdul Hamid, S. & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif*, Issue Khas 1, 89-100.
- Mohamad, N., Abd. Majid, M. & Omar, A.N. (2017). Metodologi Pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 215-233.
- Mohd Azlin, M.A. (2018). Kaedah Mencegah Murtad di Kalangan Muallaf oleh UnitUkhuwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, e-ISSN: 2289-8042, 62-77.

- Muhamat, R. (2016). *Pembangunan Dakwah Muallaf di Malaysia: Cabaran dalam Masyarakat. Ist International Keynote Speech on Muallaf Development and Empowerment (De Muallaf)*, 1-19.
- Qaradhawi-al, Y. (1997). *Fiqh al-Zakat Dirasat Muqaranat Li-Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhu' Al Qur'an wal Sunnah*, Cetakan Muassasat al-Risalah, Beirut.
- Salleh, S.T., Nordin, N., Ismail, S.K. & Mohamad Yusof, S.H. (2018). Cabaran dan Implikasi Pengurusan Dokumentasi Saudara Baru. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*, https://www.unisza.edu.my/sq2018/images/Kertas_Kerja/422-431-Siti-Fatimah-Salleh.pdf, dicapai pada 8/2/2019.
- Shaharudin, S.A., Shahrudin, H.N., Marlon Abdullah, M.Y., Amat Misra, M.K., Fauzan, A.F. (2017), Cabaran dan Permasalahan Muallaf dan Penyelsaiannya oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). <http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/021-ISRA-2017.pdf>, dicapai pada 19/1/2019.
- Tibek, S.R., Md Sham, F. & Jalil, M.H. (2014), *Pembangunan Dakwah Muallaf*, Institut Islam Hadhari, UKM, Bangi. <https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/>, dicapai pada 3 Januari 2020.